



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA**

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) adalah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia yang bertanggungjawab memajukan pergerakan Pertubuhan Peladang di seluruh negara mempelawa warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan serta berkelayakan dan bermotivasi tinggi untuk mengisi jawatan-jawatan berikut:

**PENOLONG JURUTERA**

- |    |                              |   |                        |
|----|------------------------------|---|------------------------|
| 1. | (A) Jawatan                  | : | Penolong Jurutera      |
|    | (B) Gred Jawatan             | : | JA29                   |
|    | (C) Klasifikasi Perkhidmatan | : | Kejuruteraan           |
|    | (D) Kumpulan Perkhidmatan    | : | Pelaksana              |
|    | (E) Taraf Jawatan            | : | Tetap                  |
|    | (F) Jadual Gaji              | : | Minimum – RM 1,549.00  |
|    |                              |   | Maksimum – RM 5,701.00 |

**Syarat-syarat Lantikan**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c)
    - (i) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 :RM 1,549.00); atau
    - (ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 :RM 1,935.02)

**Syarat kelayakan Bahasa Melayu**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

